

DI MANAKAH KITA DALAM PEMANTAPAN PENTADBIRAN KEADILAN JENAYAH SYARIAH?

(Where are we in Consolidating the Administration of Shariah Criminal Justice?)

Musa Awang¹
maa46050@yahoo.com

Persatuan Peguam Syarie Malaysia,
Kompleks Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,
No. 71, Jalan Sri Hartamas 1,
Taman Sri Hartamas,
50676 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : +603-6205 7000.

Abstrak

Selepas pindaan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan, ramai yang beranggapan bahawa mahkamah syariah telah diberi kuasa yang lebih luas daripada sebelumnya, kerana tidak lagi berada di bawah mahkamah sivil. Mahkamah sivil juga dikatakan tidak akan campur tangan dalam perkara yang telah diputuskan oleh mahkamah syariah. Walau bagaimanapun dari segi pelaksanaan bidang kuasa jenayah, mahkamah syariah masih lagi terbatas dengan hukuman 5:3:6, yakni denda tidak melebihi RM5000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau sebatan (syariah) tidak lebih enam kali sebatan. Makalah ini meneliti kuasa yang diperuntukkan kepada mahkamah syariah, dan kesannya terhadap perkembangan pentadbiran keadilan jenayah syariah dan agensi yang berkaitan dengannya. Beberapa cadangan penyelesaian dikemukakan bagi mempertingkatkan dan memperkasakan institusi pentadbiran, kehakiman, pendakwaan dan penguatkuasaan Islam.

Kata kunci: Perlembagaan Persekutuan, penguatkuasaan undang-undang syariah, mahkamah syariah, mahkamah sivil

Abstract

With the amendment of Article 121(1A) of the Federal Constitution, many considered the shariah courts to have been given more powers. Civil courts were also thought to no longer be able to intervene in matters decided by the shariah courts. However, with regard to criminal matters, the courts are still limited to the punishment of 5:3:6, namely, a fine of not more than RM5000 or imprisonment not more than 3 years, or 6 lashes. This article examines

1 Presiden, Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM).

the power given to the shariah courts, and the effects on the development of the administration of shariah criminal justice and related agencies. Some suggestions are made to improve and to reinforce the Islamic administrative, judicial, prosecutory and enforcement institutions.

Keywords: Federal Constitution, enforcement of shariah laws, shariah courts, civil courts

PENDAHULUAN

Untuk mengetahui kedudukan dan perkembangan undang-undang syariah pada masa kini, perlu disorot kembali sejarah undang-undang negara ini, iaitu zaman sebelum kedatangan penjajah, zaman penjajahan British, dan zaman selepas merdeka. Walaupun negara pernah dijajah oleh bangsa lain seperti Portugis (1511), Belanda (1641), Jepun (1942-1945), tetapi penjajah ini tidak banyak campur tangan dalam sistem pemerintahan dan perundangan Tanah Melayu. Keadaan ini berbeza semasa penjajahan British.

SEJARAH DAN LATAR BELAKANG

Menurut Hamka, kemasukan agama Islam ke alam Melayu dengan jalan damai dan beransur-ansur (berperingkat-peringkat), jarang sekali dengan kekerasan, dan diterima dengan sukarela oleh penduduk meskipun tidak secara sekali gus.² Tun Salleh Abas³ telah menyebut bahawa Islam telah menjadi agama orang Melayu sejak 500 tahun dahulu. Pada awalnya Islam dibawa oleh pedagang Arab ke India dan kemudiannya telah disebarkan ke Tanah Melayu pada abad ke-15. Sejak itu, orang-orang Melayu telah diislamkan.

Berasaskan laporan sejarah daripada pedagang Cina dan penemuan kesan sejarah didapati saudagar Arab Islam telah membuat penempatan dan menyebarkan agama Islam di Kepulauan Melayu (Kedah dan Palembang) semenjak abad pertama Hijrah bersamaan abad ketujuh Masihi.⁴

-
- 2 Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (HAMKA), 2006. *Sejarah Umat Islam*. Edisi Baru. Singapura: Pustaka National Pte. Ltd. hlm. 669.
 - 3 Tun Salleh Abas, 1986. "Traditional Elements of the Malaysian Constitution" dlm *Mohamed Sufflan, H.P. Lee & Trindade (ed.), 1978. The Constitution of Malaysia, Its Development 1957-1977*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
 - 4 Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1996. *Preliminary Statement on a General Theory of the Malay-Archipelago*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 11.

Islam mula berkembang dengan pesat pada abad ke-15 Masihi melalui empayar Kesultanan Melayu Melaka. Raja dan rakyat negeri Melaka mula memeluk agama Islam pada awal abad ke-15. Dalam masa yang singkat, Islam telah tersebar ke seluruh Tanah Melayu, Pulau Jawa, Borneo, Sulawesi dan Mindanao.

Kedatangan Islam ini bukan sahaja mengubah sosiobudaya dan pemikiran masyarakat tempatan di Kepulauan Melayu, bahkan juga telah membawa perubahan dari sudut perundangan dan pentadbiran. Bukti sejarah menunjukkan undang-undang Islam telah pun diamalkan di Tanah Melayu sebelum kedatangan penjajah Barat, meliputi hukum Islam secara menyeluruh sama ada jenayah, urusan niaga atau muamalat, kekeluargaan, prosedur dan keterangan.

Teks perundangan yang berkuat kuasa di negeri-negeri Melayu seperti Hukum Kanun Melaka atau juga dikenali sebagai Undang-undang Melaka,⁵ membuktikan penerimaan dan pelaksanaan undang-undang Islam pada masa tersebut. Sebahagian besar kandungan undang-undang tersebut berasaskan undang-undang Islam dalam semua bidang termasuklah soal jenayah, urusan niaga, kekeluargaan, keterangan dan acara. Umpamanya terdapat hukuman bunuh balas atau qisas, hukum hudud seperti sebat atau rejam bagi kesalahan zina dan liwat, hukuman sebat terhadap kesalahan *qazaf* atau menuduh zina tanpa saksi, hukuman mati bagi kesalahan murtad, hukuman potong tangan bagi kesalahan mencuri, hukuman sebat bagi kesalahan minum arak, kesalahan merompak sambil membunuh, dan hukuman mati bagi penderhaka. Hukum Kanun Melaka juga memperuntukkan hukuman berkaitan dengan hukum takzir dan diat, di samping beberapa peruntukan berkaitan dengan urusan niaga atau muamalat seperti pengharaman riba, kesahihan sesuatu kontrak, kontrak jual beli, pinjaman dan amanah yang selari dengan hukum Islam.

Dalam Hukum Kanun Melaka juga terdapat peraturan keluarga Islam yang meliputi soal wali bagi perempuan, akad perkahwinan, perceraian dan fasakh. Bahkan dalam undang-undang itu juga terdapat undang-undang keterangan dan acara yang berasaskan hukum Islam seperti kesaksian, sumpah, pengakuan, adab dan kelayakan hakim, prosedur mahkamah serta timbang tara atau *sulh*. Tegasnya Hukum Kanun Melaka ini merupakan satu bukti yang jelas bahawa undang-undang Islam telah dilaksanakan di Tanah Melayu.

5 Teks Undang-undang Melaka ini boleh didapati dalam beberapa versi yang diselenggarakan oleh orang yang berbeza. Antaranya termasuklah teks yang diselenggarakan oleh Liaw Yock Fang yang mengandungi 44 fasal. Rujuk Liaw Yock Fang, 1976. *Undang-undang Melaka*. The Hague: Maritimes Nijhoft.

Pengaruh Hukum Kanun Melaka ini telah tersebar ke negeri Melayu lain di bawah empayar Kesultanan Melayu Melaka, meliputi seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan sebahagian dari Sumatera. Buktinya, terdapat Undang-undang Pahang bertarikh 1596, Undang-undang Kedah bertarikh 1605, Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak dan Undang-undang Johor yang mula berkuat kuasa pada tahun 1789. Pada tahun 1914 pula kerajaan Johor menterjemahkan dan menguatkuasakan peraturan dalam *Majallat al-Ahkam*, iaitu undang-undang sivil Islam yang diamalkan oleh Kerajaan Islam Turki. Terdapat juga bukti pelaksanaan undang-undang Islam di negeri lain seperti Kelantan dan Terengganu.

Perlembagaan bertulis yang pertama di Tanah Melayu, iaitu Perlembagaan Johor tahun 1895, menampakkan ciri-ciri keislaman. Satu peruntukan dalam perlembagaan tersebut menyebut bahawa “pemerintah hendaklah seorang yang berbangsa Melayu, berketurunan diraja Johor dan beragama Islam”. Perkara LVII perlembagaan itu juga menyebutkan bahawa agama Islam hendaklah sentiasa dan sepanjang masa menjadi agama negeri Johor.

Perlembagaan negeri Terengganu tahun 1911 juga bercirikan agama Islam. Satu daripada peruntukannya menghendaki Raja Negeri Terengganu mestilah beragama Islam, berbangsa Melayu, berketurunan diraja Terengganu. Perlembagaan itu juga menyebut bahawa Islam agama negeri dan tiada agama lain yang boleh dijadikan agama rasmi Negeri Terengganu.

Kedudukan undang-undang Islam sebelum kedatangan penjajah British bukan sahaja diakui oleh ahli sejarah bahkan juga diiktiraf oleh mahkamah. Dalam kes *Ramah lwn Laton*⁶, Mahkamah Rayuan di Selangor telah membuat keputusan bahawa undang-undang Islam ialah undang-undang negeri dan mahkamah hendaklah mengiktiraf dan menggunakan undang-undang tersebut.

ZAMAN PENJAJAHAN BRITISH

Perjanjian Pangkor 1874 merupakan titik tolak peluasan pengaruh Inggeris di Tanah Melayu. Perjanjian antara Inggeris dengan pemimpin Melayu menghendaki pemimpin Melayu menerima seorang penasihat Inggeris di negeri Perak. Nasihat beliau perlu diminta dan diikuti dalam semua hal pentadbiran kecuali perkara-perkara yang menyentuh agama dan adat resam orang Melayu.

Perjanjian yang serupa juga telah ditandatangani oleh pemimpin Melayu di Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Kesannya, pada akhir

6 [1927] 6 F.M.S.L.R. 128; 2 J.H. 213

abad ke-19, kesemua negeri di Tanah Melayu telah menerima penasihat Inggeris ini. Kesan penerimaan penasihat Inggeris di negeri-negeri Melayu ini menyebabkan pelaksanaan undang-undang Islam yang berjalan sekian lama terhakis dengan cara British memperkenalkan undang-undang Inggeris bagi menggantikan undang-undang Islam.

Cara penerimaan undang-undang Inggeris dan penghakisan undang-undang Islam adalah berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain. Perbezaan ini mengikut kategori negeri-negeri yang secara umumnya dapat di bahagikan kepada empat kategori, iaitu Negeri-negeri Selat, Negeri Melayu Bersekutu, Negeri Melayu Tidak Bersekutu serta Sabah dan Sarawak.

Bagi Negeri-negeri Selat,⁷ penghakisan undang-undang Islam boleh dikatakan dilakukan oleh penjajah Inggeris secara “terbuka” atau “terang-terangan”, iaitu dengan cara penguatkuasaan undang-undang Inggeris melalui Piagam Keadilan Pertama, Piagam Keadilan Kedua dan Piagam Keadilan Ketiga. Piagam ini secara jelas mengisytiharkan penerimaan undang-undang Inggeris di negeri yang dikuasai British itu. Akibatnya, penguatkuasaan undang-undang Islam yang sedia terpakai terutamanya di Melaka terpinggir dan digantikan dengan undang-undang Inggeris.

Di Negeri Melayu Bersekutu⁸ pula, penghakisan undang-undang Islam berlaku secara lebih licik, iaitu melalui pemisahan antara “hal ehwal agama” dengan urusan hidup yang lain. Melalui sistem Residen, Sultan dikehendaki menerima nasihat Residen dalam semua urusan kecuali dalam soal “hal ehwal agama Islam dan adat istiadat”. Di sini, pengertian agama Islam telah disempitkan kepada urusan ibadat, undang-undang kekeluargaan, pewarisan, wakaf dan beberapa perkara lain yang termasuk dalam kategori undang-undang peribadi. Sementara itu, urusan jenayah, urusan niaga, pentadbiran negeri, percukaian, undang-undang tanah, dan lain-lain berada di bawah bidang kuasa residen Inggeris yang kemudiannya berusaha memperkenalkan undang-undang Inggeris secara tidak langsung melalui pelantikan hakim Inggeris yang lebih banyak mengguna pakai undang-undang *Common Law* Inggeris daripada merujuk undang-undang tempatan dalam membuat keputusan. Selain itu, pengaruh undang-undang Inggeris juga dikembangkan melalui penguatkuasaan beberapa undang-undang bertulis di negeri-negeri berkenaan yang digubal berdasarkan undang-undang Inggeris.

Sementara di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu,⁹ cara penyisihan undang-undang Islam juga hampir sama. Penjajah Inggeris

7 Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.

8 Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan.

9 Johor, Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis.

melantik pegawainya yang dikenali sebagai penasihat bagi menguatkuasakan undang-undang Inggeris dalam semua urusan kecuali dalam urusan “hal ehwal agama dan adat istiadat”.

Bagi Sabah dan Sarawak, walaupun telah menerima pengaruh Inggeris seawal tahun 1882¹⁰ dan 1842,¹¹ undang-undang Inggeris hanya diterima secara rasmi pada tahun 1951¹² dan 1949.¹³ Akibatnya pengaruh perundangan Islam yang dilaksanakan oleh kedua-dua negeri ini melalui pemerintahan Sultan Brunei mula terhakis.

British memperkenalkan undang-undang Inggeris melalui dua cara, iaitu:

- (1) Undang-undang bertulis, dengan menguatkuasakan undang-undang baharu yang bersumberkan undang-undang Inggeris seperti Kanun Keseksaan, Kanun Acara Jenayah, Kanun Acara Sivil, Enakmen Keterangan, Enakmen Kontrak dan Enakmen Tanah.
- (2) Keputusan para hakim yang kebanyakannya terdiri daripada hakim British. Mereka membuat penghakiman berdasarkan prinsip *Common Law* Inggeris dan mewujudkan prinsip undang-undang yang mengikat mahkamah di negeri-negeri Melayu.

Bagi memperkukuh pengaruh undang-undang Inggeris mereka telah menguatkuasakan Enakmen Undang-undang Sivil¹⁴ (sekarang dikenali sebagai Akta Undang-undang Sivil 1956) yang menyebabkan penerimaan prinsip *Common Law* dan peraturan-peraturan ekuiti seperti yang ditadbirkan di England.

Akibat daripada pengaruh Inggeris, undang-undang Islam hanya digunakan dalam urusan kekeluargaan, wakaf, pusaka dan kesalahan yang kaitan dengan keagamaan sahaja. Penguasaan undang-undang Inggeris ini berlarutan walaupun setelah negara mencapai kemerdekaan.

Sistem pemisahan antara agama dengan urusan hidup yang diperkenalkan oleh British inilah menjadi titik tolak kepada struktur dualisme dalam sistem perundangan Malaysia yang ada pada hari ini. Sistem pemisahan dan penyisihan yang dilakukan oleh British inilah yang memberikan kesan yang besar, “diwarisi” dan berterusan sehingga sekarang.

10 Melalui penguasaan Syarikat (Berpiagam) Borneo Utara British ke atas Sabah.

11 Melalui perlantikan James Brooke sebagai Gabenor Sarawak.

12 Melalui Ordinan Perlaksanaan Undang-undang Borneo Utara 1951.

13 Melalui Ordinan Perlaksanaan Undang-undang Sarawak 1949.

14 Enakmen Undang-undang Sivil 1937 untuk Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang kemudiannya diperluas pelaksanaannya ke negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu pada tahun 1951. Pada tahun 1956 enakmen ini digantikan dengan Ordinan Undang-undang Sivil yang berkuat kuasa ke seluruh Tanah Melayu. Pada tahun 1971 ordinan ini disemak semula yang diperluas pelaksanaannya ke Sabah dan Sarawak.

Salah satu sebab berlakunya penentangan terhadap penubuhan Malayan Union 1946 ialah kesan buruk terhadap kedudukan orang Melayu sebagai penduduk asal terutama sekali terhadap raja sebagai ketua agama Islam di setiap negeri.

Suruhanjaya Reid yang ditubuhkan pada tahun 1956 menyediakan satu draf Perlembagaan Malaya yang merdeka pada awalnya tidak mencadangkan untuk menjadikan Islam sebagai agama persekutuan. Salah seorang anggotanya dari Pakistan, Hakim Abdul Hamid berpendapat bahawa satu peruntukan sebegitu rupa perlu diadakan. Draf terakhir yang dipersetujui tidak memihak kepada mana-mana pendapat majoriti ataupun minoriti. Tidak juga disebut bahawa negara ini sebuah negara sekular.¹⁵

SELEPAS MERDEKA

Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Pada tahun 1963, Sabah dan Sarawak telah bergabung dengan Tanah Melayu dan mewujudkan Malaysia. Undang-undang tertinggi bagi negara ialah Perlembagaan Persekutuan¹⁶ dan badan perundangan tertinggi ialah Parlimen yang terdiri daripada Yang di-Pertuan Agung, Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Menurut perlembagaan, undang-undang tertinggi ialah perlembagaan itu sendiri, dan mana-mana undang-undang yang bercanggah dengannya terbatal setakat yang bercanggahan itu.¹⁷

Perlembagaan juga meletakkan urusan pentadbiran agama Islam dan undang-undang Islam di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.¹⁸ Bidang kuasa negeri berkaitan agama Islam berhubungan dengan:

1. Hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat.
2. Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri.

15 Sila lihat Ahmad Ibrahim 1987. *“Islam and the Constitution”*. Kertas kerja persidangan “The Malaysian Constitution After 30 Years. Fakulti Undang-undang Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

16 Selepas ini dirujuk sebagai “Perlembagaan”.

17 Perkara 4, Perlembagaan Persekutuan.

18 Lihat Jadual Kesembilan, Senarai 2, Perlembagaan Persekutuan.

3. Adat Melayu.
4. Zakat, fitrah dan baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya.
5. Masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan.
6. Keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya terhadap orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan, mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan dalam kalangan orang yang menganut agama Islam.
7. Penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin syarak dan adat Melayu.

MAHKAMAH SYARIAH

Mahkamah syariah ialah mahkamah yang membicarakan kes yang berkaitan dengan orang Islam, yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, yang berkaitan dengan agama Islam sebagaimana yang terdapat dalam Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, perlembagaan.

Sebelum kedatangan penjajah, kerajaan negeri-negeri Melayu terutamanya Melaka meletakkan kuasa mahkamah berasaskan undang-undang Islam dengan menjadikan sultan sebagai tribunal rayuan tertinggi. Selepas penjajahan, British telah mewujudkan mahkamah sivil yang berasaskan undang-undang Inggeris dengan bidang kuasa yang luas. Mahkamah syariah pula diletakkan di tempat yang rendah dan mempunyai bidang kuasa yang terhad.

Selepas mencapai kemerdekaan, perlembagaan mengekalkan keadaan tersebut, dan masih meletakkan bidang kuasa mahkamah syariah di bawah kerajaan negeri. Mahkamah syariah hanya diberi kuasa untuk membicarakan perkara yang terdapat dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan, iaitu bagi perkara yang meliputi undang-undang keluarga, zakat, wakaf, dan kesalahan berkaitan rukun Islam sahaja. Mahkamah syariah juga hanya boleh membicarakan penganut agama Islam sahaja.

Mahkamah syariah telah ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam di Negeri-negeri, selaras dengan butiran 1, Senarai II, Jadual Kesembilan Perlembagaan. Penubuhannya juga disertai dengan bidang kuasa eksklusif yang tersendiri, yang melibatkan kes mal dan jenayah setakat yang diperuntukkan dalam perlembagaan bagi orang-orang yang beragama Islam. Dalam melaksanakan bidang kuasa jenayahnya, mahkamah syariah hanya

mempunyai bidang kuasa terhadap, untuk mendengar dan memutuskan kes jenayah syariah yang melibatkan kesalahan yang boleh dihukum penjara tiga tahun, denda tidak melebihi RM5000, tidak melebihi enam sebatan atau gabungan mana-mana hukuman tersebut.¹⁹ Mahkamah syariah diletakkan di bawah bidang kuasa mahkamah sivil. Apa-apa keputusan mahkamah syariah boleh diubah atau dipinda oleh mahkamah sivil.

Pindaan Perkara 121 (1A) dan Perkara 5 Perlembagaan

Pindaan kepada Perkara 121 dan Perkara 5 Perlembagaan pada tahun 1988 dilihat memberikan nafas baharu khususnya kepada bidang kuasa mahkamah syariah. Perkara 121 fasal (1) menyatakan bahawa terdapat dua mahkamah tinggi yang mempunyai bidang kuasa yang selaras dan setaraf. Fasal (1A) telah ditambah kepada Perkara 121 dengan memperuntukkan:

“Mahkamah mahkamah yang disebutkan dalam fasal (1) tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah syariah.

Kesan pindaan tersebut telah mengeluarkan atau mengasingkan mahkamah syariah daripada berada di bawah mahkamah sivil. Apa-apa jua yang berada dalam bidang kuasa mahkamah syariah, mahkamah tinggi (sivil) tidak boleh campur tangan.

Pindaan kepada Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan memberikan pengiktirafan yang lebih tinggi kepada mahkamah syariah, apabila satu proviso baru telah dimasukkan ke dalam fasal (4) Perkara 5 untuk mahkamah syariah iaitu:

“Dan dengan syarat selanjutnya bahawa dalam hal penangkapan bagi sesuatu kesalahan yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Syariah, sebutan-sebutan dalam fasal ini mengenai seorang Majistret hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan-sebutan mengenai seorang hakim Mahkamah Syariah.”

Dengan pindaan ini, seseorang yang melakukan kesalahan yang boleh dibicarakan di mahkamah syariah akan mendapat hak-hak yang sama yang diberikan kepadanya sekiranya beliau dibicarakan di mahkamah majistret. Kesannya ialah jika beliau ditahan untuk tujuan ini, beliau hendaklah dibawa ke hadapan hakim mahkamah syariah dalam masa 24 jam daripada masa ditangkap tanpa kelengahan yang tidak munasabah. Jika ingin ditahan lebih

19 Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) Pindaan 1984.

lanjut lagi, kebenaran hakim mahkamah syariah hendaklah dipohon. Pindaan Perkara 5 menjadikan kuasa hakim mahkamah syariah setaraf dengan kuasa seorang majistret.

Kesalahan Jenayah Syariah

Sebelum enakmen jenayah syariah digubal secara berasingan, peruntukan bagi kesalahan yang berhubung dengan hukum syarak boleh didapati dalam Enakmen Pentadbiran Majlis Agama Negeri-negeri. Pada tahun 1985 usaha awal telah dilakukan oleh negeri Kelantan untuk memisahkan kesalahan jenayah daripada enakmen pentadbiran majlis agama. Oleh itu, Enakmen Jenayah Syariah No. 2, 1985 digubal dan diluluskan oleh kerajaan negeri Kelantan pada tahun 1985.²⁰ Enakmen ini merupakan enakmen pertama yang dipisahkan daripada Enakmen Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri.

Kemudian diikuti oleh negeri Kedah yang meluluskan undang-undang jenayahnya pada tahun 1990, diikuti pula oleh negeri Perlis dengan meluluskan enakmen jenayah pada tahun 1991, kemudian diikuti pula oleh negeri Melaka yang meluluskan enakmen jenayah syariah pada tahun 1991. Negeri Sembilan dan Perak masing-masing meluluskan undang-undang jenayah syariahnya pada tahun 1992.

Undang-undang jenayah syariah yang terdapat di negeri-negeri pada hari ini seperti yang tertera dalam Jadual 1.

Kandungan jenis-jenis kesalahan syarak yang terdapat dalam Enakmen Negeri Perak dan Negeri Sembilan lebih menyeluruh berbanding dengan enakmen negeri-negeri lain.

Selain itu, terdapat juga kesalahan jenayah syariah yang diperuntukkan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam yang dikenali sebagai kesalahan matrimoni. Seperti contoh dalam Bahagian IX Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Johor) 2003.

Kesalahan jenayah syariah seperti yang terdapat dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah atau Enakmen Jenayah Syariah dapat diringkaskan seperti yang berikut:

- i. Kesalahan yang berhubung dengan akidah.
- ii. Kesalahan yang berhubung dengan kesucian agama Islam dan institusinya.

20 Abdul Halim El-Muhammady, 1998. *Undang-undang Jenayah dalam Islam dan Enakmen Negeri-negeri*. Selangor: Wadah Niaga Sdn.Bhd.

Jadual 1 Senarai statut jenayah syariah negeri-negeri.

Negeri	Nama Statut
Johor	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997
Kedah	Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1990
Kelantan	Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 (Pindaan 1987
Melaka	Enakmen Kesalahan Syariah 1991
Negeri Sembilan	Enakmen Jenayah Syariah 1992 (Pindaan 2004)
Pahang	Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 ²¹
Pulau Pinang	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1996
Perak	Enakmen Jenayah (Syariah) 1992
Perlis	Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991
Sabah	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995
Sarawak	Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 1991
Selangor	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1993
Terengganu	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) 2001
W. Persekutuan	Akta Kesalahan Jenayah Syariah 1997

Sumber : Enakmen-enakmen Negeri.

- iii. Kesalahan berhubungan dengan rukun Islam, arak, judi dan kesusilaan.
- iv. Kesalahan seksual.
- v. Kesalahan berhubungan dengan kesejahteraan orang lain.
- vi. Kesalahan pelbagai.

Kesalahan matrimoni seperti yang terdapat dalam enakmen atau akta undang-undang keluarga Islam pula ialah:

- i. Penalti berhubungan dengan akad nikah dan pendaftaran perkahwinan.
- ii. Penalti am.

Antara contoh kesalahan berhubungan dengan akidah ialah pemujaan salah, mendakwa bukan orang Islam untuk mengelakkan tindakan, *tafkir*, doktrin palsu, atau dakwaan palsu. Terdapat beberapa kes yang dilaporkan

21 Peruntukan tentang kesalahan jenayah syariah di negeri Pahang masih terletak di bawah Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982.

dalam *Jurnal Hukum* seperti *Pendakwa Mahkamah Syariah Perak lwn Shah Pandak Othman* (1991) 8 *JH* 99 dan *Akbar Ali lwn Majlis Agama Islam* (1996) 10 *JH* 197.²²

Kesalahan yang berhubungan dengan kesucian agama Islam dan institusinya, termasuklah kesalahan mempersendakan ayat al-Quran atau hadis, menghina atau menyebabkan dipandang hina, dan lain-lain, agama Islam, memusnahkan atau mencemarkan tempat beribadat, menghina pihak berkuasa agama, pendapat yang bertentangan dengan fatwa, mengajar tanpa tauliah, mengingkari perintah mahkamah, penerbitan agama yang bertentangan dengan hukum syarak, berjudi, minum minuman yang memabukkan seksyen 19, tidak menghormati bulan Ramadan, tidak menunaikan sembahyang Jumaat, atau tidak membayar zakat atau fitrah. Antara contoh kes yang dilaporkan termasuklah *Abdul Razak Othman lwn Ketua Pendakwa Syarie Negeri Melaka*, *Timbalan Pendakwa Syarie lwn Kartika Seri Dewi bt Suekarno*, *Pendakwa Syarie Kelantan lwn Yusundy Josan*.

Kesalahan yang berhubungan dengan kesusilaan pula antaranya termasuklah perbuatan sumbang mahram,²³ pelacuran, muncikari, persetubuhan luar nikah, perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah, hubungan jenis antara orang yang sama jantina, persetubuhan bertentangan dengan hukum tabii atau khalwat,²⁴ lelaki berlagak seperti perempuan, atau melakukan perbuatan tidak sopan di tempat awam.

Kesalahan pelbagai termasuklah kesalahan memujuk lari perempuan bersuami, menghalang pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri, menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan, menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam, *qazaf*, pemungutan zakat atau fitrah tanpa diberi kuasa,²⁵ penyalahgunaan tanda halal, persubahatan dan percubaan.

Di Sabah terdapat peruntukan tambahan kesalahan, iaitu menyembelih tanpa kebenaran Majlis. Seksyen 59 (6) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995 yang menyatakan bahawa sesiapa yang menyembelih apa-apa binatang halal untuk tujuan jualan tanpa mendapat kebenaran atau perakuan bertulis daripada Majlis adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu

22 Zulkifli Hasan, 2007. "Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia dan Sejauhmanakah Pelaksananya" dlm. Azman Ab Rahman *et al.*, *Isu-isu Semasa Global Sempena Kemerdekaan Ke-50*. Negeri Sembilan: Pusat Pengajian Umum USIM.

23 Contoh kes yang dilaporkan ialah *Pendakwa Syarie Perak lwn Jeffery dan Hasliza*.

24 Contoh kes yang dilaporkan ialah *Pendakwa Syarie lwn Jaafar bin Sudin, Mokhtar bin Pangat lwn Pendakwa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan*.

25 Contoh kes yang dilaporkan ialah *Pendakwa Syarie Johor lwn Abdul Talib Harun*.

Jadual 2 Senarai statut acara/tatacara jenayah syariah negeri.

Negeri	Statut
Johor	Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2003
Kedah	Enakmen Acara Jenayah Syariah 1988
(Pindaan 1989,1991,1999)	Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 (Pindaan 1987)
Kelantan	Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (Pindaan 2006)
Melaka	Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002
Negeri Sembilan	Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2003
Pahang	Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002
Pulau Pinang	Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah 2004
Perak	Enakmen Tatacara Jenayah 2004
Perlis	Enakmen Prosedur Jenayah dalam Syarak 1993
Sabah	Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2004
Sarawak	Ordinan Tatacara Jenayah Syariah 2001
Selangor	Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2003
Terengganu	Enakmen Tatacara Jenayah 2001
W.Persekutuan	Akta Prosedur Jenayah Syariah 1997 (Pindaan 2005)

ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Pada masa yang sama, keseluruhan negeri telah mempunyai undang-undang acara atau undang-undang tatacara jenayah syariah untuk menyusun atur perjalanan pentadbiran keadilan jenayah syariah. Undang-undang tersebut adalah seperti dalam Jadual 2.

Kelantan merupakan satu-satunya negeri yang telah mengadakan Kaedah Hukuman Sebat 1987, iaitu kaedah bagi pelaksanaan hukuman sebatan syariah bagi pesalah syariah. Kaedah seperti ini belum wujud di negeri lain, walaupun secara ringkasnya kaedah sebatan syariah ada dinyatakan dalam sebahagian besar enakmen tatacara jenayah syariah.²⁶ Pulau Pinang pula adalah satu-satunya negeri yang mempunyai Kaedah-Kaedah Acara Jenayah (Borang dan Fee) 1998 (Pg. P.U. 1/98). Di Selangor, sedang dalam usaha untuk mewujudkan kaedah seperti ini.²⁷

26 Sebagai contoh, Seksyen 125 Akta Prosedur Jenayah Syariah 1997 (Pindaan 2005) dan Seksyen 125 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2003.

27 Penulis terlibat dalam Jawatankuasa Kaedah Borang dan Fee Jenayah Syariah Selangor.

ISU DAN MASALAH SEMASA BERKAITAN DENGAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA

Terdapat beberapa isu dan masalah semasa berkaitan dengan pentadbiran keadilan undang-undang jenayah syariah. Isu dan masalah ini sudah lama ditimbulkan tetapi masih belum dapat diselesaikan secara holistik, walaupun ada perkembangan positif yang berlaku. Antaranya termasuklah:

Isu Bidang kuasa

Pindaan kepada Perkara 121 (1A) dan Perkara 5 Perlembagaan pada tahun 1988 dilihat oleh sesetengah orang sebagai memberikan nafas baharu khususnya kepada bidang kuasa mahkamah syariah. Kesan pindaan tersebut telah mengeluarkan atau mengasingkan mahkamah syariah daripada berada di bawah mahkamah sivil. Apa-apa jua yang di bawah bidang kuasa mahkamah syariah, mahkamah tinggi (sivil) tidak boleh campur tangan. Namun begitu, pada pandangan penulis, pindaan tersebut tidak memperluas atau menambah atau meningkatkan bidang kuasa mahkamah syariah. Bidang kuasa mahkamah syariah masih terhad kepada orang yang beragama Islam dan dalam perkara-perkara yang diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan, Senarai 2, Perlembagaan Persekutuan.

Pindaan Perkara 121 (1A) dan Perkara 5 tersebut tidak memberikan apa-apa kesan kepada bidang kuasa mal atau jenayah mahkamah syariah. Bidang kuasa mahkamah syariah masih terhad dengan bidang kuasa yang sama. Mahkamah syariah masih tidak mempunyai bidang kuasa terhadap pihak yang terlibat dalam pertikaian yang salah seorangnya bukan Islam.

Misalnya, dalam soal *hadanah* jika ibunya bukan Islam dan bapanya seorang Islam, perkara ini masih boleh dibawa dan diputuskan oleh mahkamah sivil. Dalam Akta Pembaharuan Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, mahkamah sivil diberi kuasa untuk membenarkan perceraian jika pihak, pada perkahwinan tersebut yang dijalankan bukan secara Islam, telah memeluk agama Islam dan pihak yang satu lagi yang tidak memeluk agama Islam boleh membawa petisyen ke mahkamah.²⁸

Bidang kuasa jenayah mahkamah syariah masih terhad kepada pelaku yang beragama Islam sahaja. Jika seorang wanita Islam ditangkap melakukan zina atau berkhilwat dengan seorang lelaki bukan Islam, maka hanya tertuduh yang beragama Islam sahaja boleh didakwa di mahkamah syariah dan dihukum. Tertuduh yang bukan Islam tidak boleh didakwa dan

28 Lihat Ahmad Ibrahim, 1989. "The Amendment to Article 121 of the Federal Constitution its effect of Administration of Islamic Law", [1989] 2 *MU* XVII.

akan terlepas begitu sahaja walaupun dia menjadi pasangan jenayah atau sama-sama melakukan jenayah dengan orang yang beragama Islam.

Bidang kuasa jenayah mahkamah syariah juga tidak meningkat walaupun selepas pindaan, masih kekal dengan “sifir” 3 : 5 : 6, sebagaimana yang dibataskan oleh Akta Mahkamah-mahkamah Islam (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984).²⁹ Bidang kuasa mahkamah syariah masih kecil dibandingkan dengan kuasa majistret kelas pertama yang boleh menghukum sehingga 10 tahun penjara, denda sehingga RM10 ribu, rotan sehingga 12 kali atau mana-mana kombinasi hukuman di atas.

Konflik bidang kuasa mahkamah syariah dengan mahkamah sivil sepatutnya sudah lama diselesaikan melalui pindaan Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan. Namun begitu, pelaksanaannya tidak berlaku secara menyeluruh. Buktinya masih terdapat pertikaian mengenai bidang kuasa mahkamah syariah seperti dalam kes *Mohamed Habibullah b Mahmood lwn Faridah Dato' Talib*,³⁰ *Dalip Kaur lwn Pegawai Polis Bukit Mertajam*³¹ dan *Md. Hakim Lee lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan*.³² Malahan jika diteliti terdapat beberapa peruntukan dalam enakmen jenayah syariah yang bertindih, iaitu terdapat juga dalam Kanun Keseksaan seperti berlaku dalam kes *Sukma Dermawan Sasmitaat Madja lwn Ketua Pengarah Penjara Malaysia*.³³

Pada Mei 2010, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, membuat pengumuman untuk menaik taraf mahkamah syariah, mewujudkan perjawatan secara berpusat dan menaik taraf hakim mahkamah syariah. Langkah ini disambut baik dan amat ditunggu-tunggu agar menjadi kenyataan. Langkah itu sesuai dengan situasi sekarang apabila mahkamah syariah menjadi tempat rujukan orang Islam, selain adanya usaha ke arah memartabatkan undang-undang Islam supaya setaraf dengan mahkamah sivil.

Pengumuman Menteri tersebut diulang sekali lagi pada tahun 2013, iaitu kerajaan telah mendapat “lampu hijau” untuk meningkatkan bidang

29 Seksyen 2 Akta tersebut memperuntukkan – Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Akta 23/65) dipinda menggantikan proviso kepada Seksyen 2 dengan yang berikut:

“Provided that such jurisdiction shall not be exercised in respect of any offence punishable with imprisonment for a term exceeding three years or with any fine exceeding five thousand ringgit or with whipping exceeding six strokes or with any combination thereof.”

30 (1992) 2 *MLJ* 793.

31 (1992) 1 *MLJ* 7.

32 (1998) 1 *MLJ* 681.

33 Zulkifli Hasan, 2007. “Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia dan Sejauhmanakah Pelaksanaannya” dlm. Azman Ab Rahman *et al.*, *Isu-Isu Semasa Global Sempena Kemerdekaan Ke-50*. Negeri Sembilan: Pusat Pengajian Umum USIM.

kuasa jenayah syariah. Semua pihak dalam institusi perundangan syariah, baik pendakwa syarie, hakim syarie, pegawai penguat kuasa agama hatta peguam syarie menunggu dengan penuh harapan agar perkara tersebut menjadi kenyataan sedikit masa lagi, dan bukannya menjadi kenyataan berulang yang akan diulang lagi tiga tahun akan datang.

Pindaan Perkara 121 (1A) Perlembagaan pada 1988 menjadikan mahkamah syariah bebas daripada campur tangan mahkamah sivil. Selepas 27 tahun wujud pemisahan dan pengasingan tersebut, sepatutnya mahkamah syariah telah berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan mahkamah sivil dari sudut hierarki, perjawatan, jaminan perjawatan, keselarasan dan penyeragaman undang-undang serta penghakiman.

Mempertingkatkan bidang kuasa jenayah mahkamah syariah secara tidak langsung akan memperkasakan agensi lain yang bersangkutan dengannya seperti hierarki mahkamah syariah, perjawatan, penguatkuasaan dan pendakwaan, serta peguam syarie sebagai pengamal di mahkamah syariah.

Pada masa ini, hanya ada tiga tingkatan mahkamah syariah, iaitu mahkamah rendah syariah, mahkamah tinggi syariah dan mahkamah rayuan syariah. Berbanding lima tingkatan di mahkamah sivil, iaitu Mahkamah Persekutuan, mahkamah rayuan, mahkamah tinggi, mahkamah sesyen dan mahkamah majistret. Dengan cadangan terbaharu berkenaan, tingkatan mahkamah syariah akan dinaik taraf kepada majlis rayuan syariah, mahkamah rayuan syariah, mahkamah tinggi syariah, mahkamah tengah syariah dan mahkamah rendah syariah.

Peningkatan taraf mahkamah syariah ini harus sejajar dengan peningkatan taraf perjawatan hakim dan pegawai. Kini, hakim mahkamah syariah merupakan penjawat awam pada peringkat negeri, kecuali bagi negeri yang menerima skim perkhidmatan guna sama di bawah penyeliaan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada peringkat pusat. Hal ini berbeza daripada hakim di mahkamah sivil, hakim mahkamah tinggi dan ke atas yang merupakan Anggota Badan Kehakiman Negara yang dilantik di bawah Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) pada peringkat persekutuan. Jaminan perjawatan hakim di mahkamah syariah tertakluk pada prosedur perkhidmatan awam, berbanding dengan jaminan perjawatan hakim di mahkamah sivil yang tertakluk pada Akta Saraan Hakim 1971 (Akta 45).

Gaji hakim di mahkamah syariah jauh lebih rendah berbanding dengan hakim di mahkamah sivil. Contohnya, gaji hakim mahkamah rayuan sivil dua kali ganda lebih tinggi berbanding dengan gaji hakim mahkamah rayuan syariah, dan tidak termasuk elaun lain.

Pada sudut yang lain, pihak eksekutif di negara ini kelihatan “lebih berani” mempertikaikan keputusan dan penghakiman mahkamah syariah.

Pada masa yang sama mahkamah syariah tidak berupaya untuk menjawab balik sanggahan tersebut. Sedangkan hakim hanya melaksanakan undang-undang yang diluluskan Dewan Undangan Negeri. Berbeza daripada penghakiman mahkamah sivil, keputusan hakim tidak disanggah malah diiktiraf pada peringkat nasional dan antarabangsa.

Di mahkamah sivil terdapat lambang dan adat kebesaran mahkamah seperti cokmar dan pakaian rasmi yang menggambarkan prestij serta imej mahkamah selaras di seluruh negara. Namun lambang dan pakaian rasmi mahkamah syariah berbeza antara satu sama lain. Tidak bolehkah lambang dan kebesaran raja-raja Melayu sebagai Ketua Agama Islam diserlahkan dan diseragamkan di mahkamah syariah seluruh negara?

Ketidakeragaman Undang-undang

Sebagaimana dalam Jadual 1, terdapat 14 undang-undang berkaitan dengan kesalahan jenayah syariah di negeri-negeri, dengan nama, kedudukan dan peruntukan yang tidak seragam. Secara umumnya, negeri-negeri menamakan undang-undang tersebut dengan pelbagai nama seperti Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah atau Enakmen Jenayah Syariah atau Enakmen Kesalahan Syariah. Sedikit berlainan di Perlis yang menamakannya sebagai Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991. Pada tahun 2001, negeri Terengganu telah meluluskan enakmen yang dinamakan sebagai Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) 2001.

Hampir kesemua negeri memisahkan kesalahan jenayah syariah daripada enakmen pentadbiran agama Islam. Hanya di Pahang, peruntukan tentang kesalahan jenayah syariah masih terdapat dalam Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 (Bahagian IX).

Sebahagian peruntukan tentang kesalahan tertentu terdapat di negeri tertentu, tetapi tidak di negeri lain. Sebagai contoh, peruntukan bagi kesalahan mendakwa bukan Islam untuk mengelakkan tindakan dalam Seksyen 5 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 tiada dalam Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.

Di Sabah terdapat peruntukan kesalahan menyembelih tanpa kebenaran majlis. Seksyen 59 (6) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995 yang menyatakan bahawa sesiapa yang menyembelih apa-apa binatang halal untuk tujuan jualan tanpa mendapat kebenaran atau perakuan bertulis daripada majlis dikira bersalah dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Peruntukan seperti ini tidak terdapat di negeri-negeri lain.

Selain itu, terdapat juga perbezaan atau ketidakseragaman dari segi hukuman, walaupun atas kesalahan yang sama. Sebagai contoh, dalam kes melibatkan kesalahan menghina atau menyebabkan agama Islam dipandang hina. Seksyen 10 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 memperuntukkan hukuman denda tidak melebihi RM5000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan ini. Walau bagaimanapun, bagi kesalahan yang sama, seksyen 7, Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 menetapkan hukuman denda tidak melebihi RM3000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Di Pahang, sesiapa juga orang Islam di mana-mana kedai atau tempat awam, menjual, membeli atau meminum arak telah dikira melakukan suatu kesalahan dan apabila sabit boleh dihukum denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau tidak lebih daripada tiga tahun penjara atau kedua-duanya dan sebat tidak lebih daripada enam kali sebatan.³⁴ Pesalah boleh didenda dan disebat atau dipenjarakan dan disebat, atau didenda, dipenjarakan dan disebat. Bagi kesalahan yang sama di Selangor, mana-mana orang yang berada di mana-mana kedai atau tempat awam lain, minum apa-apa minuman yang memabukkan, dianggap telah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Mana-mana orang yang membuat, menjual, menawarkan untuk jualan, mempamerkan untuk jualan, menyimpan atau membeli apa-apa minuman yang memabukkan dikira melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.³⁵

Negara kita sudah mencapai kemerdekaan hampir 57 tahun, sepatutnya tidak wujud lagi masalah ketidakseragaman dan perbezaan peruntukan yang terkandung dalam enakmen-enakmen atau akta undang-undang jenayah syariah di negeri-negeri. Hal ini demikian kerana kita menerima pakai sumber rujukan syarak yang sama dan bermazhab yang sama. Mufti negeri juga berpegang pada mazhab yang sama.

Banyak usaha telah dilaksanakan, pelbagai jawatankuasa telah dibentuk, bertujuan menyeragamkan undang-undang syariah, namun sehingga kini masih belum dapat diselesaikan. Usaha ke arah menyelesaikan isu ini perlu dilipatgandakan, memandangkan hal ini boleh menimbulkan pelbagai permasalahan undang-undang dan juga reaksi negatif masyarakat kepada pentadbiran undang-undang Islam.

34 Seksyen 136, Enakmen Pentadbiran Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 (Pindaan 1987).

35 Seksyen 18 (1) dan (2), Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995.

Masalah Penguatkuasaan dan Pendakwaan

Pegawai penguat kuasa agama (PPA) dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri (Main) daripada kalangan anggota perkhidmatan awam negeri atau perkhidmatan bersama, diberi kuasa menjalankan penyiasatan, menangkap dan menahan orang yang melakukan kesalahan di bawah undang-undang Islam, sebelum didakwa dan dibicarakan di mahkamah syariah. PPA ialah sayap kanan kepada pendakwa syarie (pendakwaan), bagi memastikan peruntukan dalam undang-undang syariah dilaksanakan.

Mutakhir ini, tugas PPA bukan sekadar menangani kes jenayah syariah, malah mencakupi pelbagai bidang termasuk membantu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) memeriksa makanan halal, membantu Kementerian Dalam Negeri (KDN) menguatkuasakan Akta Percetakan Teks al-Quran 1986 dan terbitan berunsur Islam lain. PPA juga berperanan memastikan undang-undang syariah, kaedah serta fatwa mufti dipatuhi dan dilaksanakan. PPA turut berfungsi menguatkuasakan undang-undang keluarga Islam, bagi kesalahan perkahwinan yang boleh menggugat ikatan kekeluargaan Islam.

PPA juga tertakluk pada arahan tetap pengarah jabatan agama Islam negeri dan arahan tetap ketua pegawai penguat kuasa agama yang mengandungi manual atau tatacara menerima maklumat, menjalankan siasatan, menyediakan kertas siasatan, menyediakan laporan ringkas kes serta mengendalikan barang yang disita. PPA bertanggungjawab menghantar pesalah ke penjara atau pusat tahanan selepas pesalah dijatuhi hukuman, seperti tugas polis di mahkamah sivil.

Pada 2007, sebuah akhbar tempatan mendedahkan di Johor hanya sebanyak 76 orang PPA berbanding jumlah penduduk Islam Johor, iaitu lebih 2.1 juta orang. Daripada jumlah itu, hanya 18 pegawai berjawatan tetap, manakala 58 lagi adalah kontrak.

Pada Disember 2008, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (ketika itu), Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mendedahkan hanya ada sebanyak 1242 orang PPA di seluruh negara, dengan nisbahnya seorang penguat kuasa bagi 23 000 orang, dan keadaan itu amat membebankan PPA dalam melaksanakan tugas.

Pada 2009, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (ketika itu) Senator Datuk Dr. Mashitah Ibrahim menyatakan bahawa terdapat 1114 orang pegawai penguat kuasa agama dan 440 orang pendakwa syarie di seluruh negara.³⁶

36 Sumber: Malaysiakini.com.

Jadual 3 Jumlah kakitangan bahagian penguatkuasaan mengikut negeri di Malaysia.

Negeri	Jumlah
Johor	74
Kedah	7
Kelantan	70
Melaka	43
Negeri Sembilan	77
Pahang	70
Pulau Pinang	56
Perak	37
Perlis	6
Sabah	12
Sarawak	20
Selangor	108
Terengganu	83
W.Persekutuan	73
Jumlah	736

Sumber : Jabatan Agama Islam Perak (2011).

Berdasarkan sumber yang diperoleh pada tahun 2011, jumlah PPA mengikut negeri di Malaysia adalah seperti dalam Jadual 3.

Untuk bebanan tugas dan peranan seseorang pegawai penguat kuasa agama di satu-satu negeri, kita perlu melihat taburan jumlah bilangan pegawai penguat kuasa agama berbanding dengan keluasan negeri dan bilangan daerah mengikut negeri tersebut. Data maklumat keluasan negeri dan bilangan daerah mengikut negeri di Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) yang dikemas kini pada 20 Mac 2013³⁷ adalah seperti dalam Jadual 4.

Berdasarkan butiran jumlah kakitangan bahagian penguatkuasaan seluruh negeri mengikut Jadual 3, adalah tidak munasabah sesebuah negeri yang memiliki keluasan yang besar 9425 kilometer persegi dan mempunyai 12 daerah seperti negeri Kedah, hanya mempunyai seramai 7 orang pegawai penguat kuasa agama. Begitu juga di Perak, dengan keluasan 21 005 kilometer persegi dan 10 daerah, tetapi hanya mempunyai seramai 37 orang penguat kuasa agama. Lebih daif keadaannya di Sabah dan Sarawak. Sabah yang

37 Lihat http://forum.mygeoportal.gov.my/smanre/tanah/luas_negeri_daerah.php.

Jadual 4 Maklumat keluasan negeri dan bilangan daerah mengikut negeri di Malaysia.

Negeri	Keluasan (km ²) *	Perimeter (km)*	Bilangan Daerah
Johor	18 986.88	772.00	8
Kedah	9425.00	559.09	12
Kelantan	15 104.62	896.50	10
Melaka	1652.00	224.00	3
Negeri Sembilan	6657.09	375.09	7
Pahang	35 965.00	1140.00	11
Perak	21 005.00	NA	10
Perlis	795.00	169.00	0
Pulau Pinang	1031.04	262.32	5
Sabah	73 620.10	2330.01	24
Sarawak	124 449.51	2991.00	31
Selangor	7930.20	564.70	9
Terengganu	12 955.14	646.00	7
WP Kuala Lumpur	242.70	103.93	0
WP Labuan	91.64	NA	0
WP Putrajaya	49.30	43.10	1
JUMLAH	329 960.22	11 077	138

Sumber : JUPEM/BTUP, 2009.

berkeluasan 73 620.1 kilometer persegi dan mempunyai 24 daerah hanya mempunyai 24 orang pegawai penguat kuasa agama seluruh negeri Sabah. Sarawak yang berkeluasan 124 449.51 kilometer persegi dengan 31 daerah pula hanya mempunyai sebanyak 20 orang pegawai penguat kuasa agama.

Pada 2011 juga, menurut laporan *BH Online*,³⁸ yang memetik daripada Laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010,³⁹ Malaysia mempunyai 28.3 juta penduduk dengan bilangan lelaki melebihi wanita. Daripada 28.3 juta itu, 91.8 peratus ialah warganegara, manakala 8.2 peratus bukan warganegara. Menurut laporan banci ini juga, penduduk

38 Lihat http://www.bharian.com.my/bharian/articles/PendudukMalaysiakini28_3juta/Article/artikel

39 Lihat http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&id=1215&Itemid=89&lang=bm.

lelaki kini berjumlah 14.56 juta orang, manakala wanita pula seramai 13.77 juta orang.

Mengikut statistik berdasarkan negeri, Selangor mempunyai jumlah penduduk tertinggi di Malaysia dengan 5.46 juta diikuti Johor (3.35 juta) dan Sabah (3.21 juta), manakala negeri yang mempunyai penduduk paling sedikit ialah Wilayah Persekutuan Putrajaya, iaitu 72 413 orang dan Wilayah Persekutuan Labuan 86 908 orang. Negeri yang mempunyai kepadatan penduduk paling tinggi pula ialah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, iaitu 6891 orang diikuti Pulau Pinang (1490) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (1478). Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya memperlihatkan paras urbanisasi 100 peratus, manakala negeri lain yang mencatatkan paras urbanisasi yang tinggi ialah Selangor dan Pulau Pinang, masing-masing dengan 91.4 dan 90.8 peratus. Negeri yang mencatatkan paras urbanisasi yang paling rendah pula ialah Kelantan sebanyak 42.4 peratus diikuti Pahang (50.5 peratus) dan Perlis (51.4 peratus).

Daripada 28.3 juta penduduk Malaysia, kumpulan etnik yang terbesar ialah Bumiputera, iaitu merangkumi 67.4 peratus jumlah penduduk, Cina (24.6), India (7.3) dan lain-lain (0.7). Dalam kalangan warganegara Malaysia, Melayu merupakan etnik utama di Semenanjung Malaysia, iaitu 63.1 peratus, manakala Iban merekodkan 30.3 peratus daripada jumlah keseluruhan rakyat di Sarawak, sementara Kadazan/Dusun merekodkan 24.5 peratus di Sabah.

Berdasarkan bancian tersebut, jumlah penduduk Melayu pada 2011 seramai 17.8 juta orang (63.1 peratus). Dibandingkan dengan bilangan PPA yang ada di seluruh negara pada tahun 2011 yang berjumlah 736 orang, maka nisbah seorang penguat kuasa ialah 1 : 24 184 orang. Jumlah penduduk itu tidak termasuk warga asing seperti Indonesia, Bangladesh, Singapura, Nepal, Pakistan, Sri Lanka, Myanmar, Filipina dan Thailand beragama Islam, yang berada di negara itu.

Statistik yang diperoleh daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM),⁴⁰ menunjukkan peningkatan pendaftaran kes jenayah syariah di mahkamah syariah seluruh negara, dari tahun 2009 sehingga tahun 2013. Walaupun terdapat sedikit penurunan pada tahun 2012, namun jumlahnya meningkat semula pada tahun 2013, melebihi jumlah pada tahun 2011. Pada tahun 2009, jumlah kes jenayah yang didaftarkan di pejabat pendaftar mahkamah syariah seluruh negeri berjumlah 17 863 kes, meningkat kepada 18 144 pada 2010. Jumlah pendaftaran meningkat pada tahun 2011,

40 Data daftar ini diambil dari sistem SPKMS, JKSM bermula 1 Januari 2009 hingga 31 Disember 2013.

iaitu sebanyak 19 442 kes. Pada tahun 2012, jumlah pendaftaran kes jenayah syariah menurun kepada 18 190 tetapi kembali meningkat pada tahun 2013 kepada 19 483 kes.

Yang berikut merupakan statistik pendaftaran kes jenayah syariah di mahkamah syariah seluruh negara yang dicatatkan sehingga 31 Disember 2013:

Jadual 5 Laporan statistik kes jenayah syariah bagi tahun 2009 hingga 2013 mengikut negeri.

Negeri/Tahun	2009	2010	2011	2012	2013
Johor	4204	3867	3546	2758	1909
Kedah	281	449	367	440	1293
Kelantan	2054	2531	2892	2810	3032
Melaka	643	579	2765	1235	915
N.Sembilan	2218	1210	287	1107	1497
Pahang	559	1131	876	906	2196
Perak	1525	1377	1682	1368	1161
Perlis	424	397	355	397	236
Pulau Pinang	1085	790	1511	1752	1135
Sabah	313	265	450	700	1205
Sarawak	205	212	244	95	81
Selangor	1791	2400	1710	1833	2795
Terengganu	1078	917	1222	1061	827
W.Persekutuan	1483	2019	1535	1728	1201
JUMLAH	17 863	18 144	19 442	18 190	19 483

Sumber: JKSM.

Peningkatan jumlah pendaftaran kes jenayah syariah di seluruh negara menunjukkan berlakunya peningkatan kesalahan jenayah syariah di seluruh negara. Sudah sampai masanya bilangan pegawai penguat kuasa agama seluruh negara ditambah, dan pertambahan perlu berlaku dari semasa ke semasa, sesuai dengan peningkatan kapasiti penduduk dan peningkatan jumlah kes jenayah syariah.

Masalah kekurangan PPA wanita juga menimbulkan masalah terutama dalam hal ehwal yang membabitkan penangkapan pesalah wanita. Di samping itu, masalah logistik seperti kurang peralatan komunikasi,

kekurangan pemandu, kekurangan kenderaan operasi, peruntukan elaun lebih masa dan elaun perjalanan yang terbatas yang dihadapi oleh PPA, turut menjejaskan tugas pencegahan maksiat. Sehubungan dengan itu, usaha meningkatkan profesionalisme PPA di setiap jabatan agama Islam negeri (JAIN) perlu disegerakan dengan menambah bilangan PPA di samping melatih kakitangan sedia ada.

Untuk menjalankan tugas, PPA perlu mahir melaksanakan beberapa prosedur seperti siasatan dan penyediaan laporan lengkap sebelum dikemukakan kepada bahagian pendakwaan. Skim perjawatan PPA merupakan skim hal ehwal Islam atau dilantik secara kontrak. Penyandang jawatan pegawai hal ehwal Islam (PHEI bagi gred S41 dan ke atas) atau Pembantu pegawai hal ehwal Islam (PPHEI bagi gred S17 hingga S32) bagi negeri guna sama dan bagi negeri bukan guna sama, berkelulusan ijazah dalam bidang Pengajian Islam, manakala PPHEI pula memiliki diploma atau SPM. Kebanyakan PPA mereka tidak mempunyai latar belakang undang-undang syariah. Sebelum pegawai ini mendapat latihan dan pengetahuan secukupnya, mereka sudah diarahkan ke bahagian atau jawatan lain atau ditamatkan kontrak. Akibatnya, usaha melahirkan PPA berpengetahuan dan berpengalaman terbantut.

Satu skim tertutup perlu diperkenalkan untuk PPA sama seperti polis atau agensi penguatkuasaan lain, supaya PPA ditukarkan hanya ke bahagian dalam lingkungan tugas mereka. Dengan cara ini dapat mengasah kemahiran serta kepakaran mereka mengendalikan kes jenayah syariah.

Kebanyakan ketua pendakwa syarie, pendakwa syarie dan pegawai penguat kuasa agama di negara ini mempunyai latar belakang dan tahap pendidikan yang berbeza-beza. Dalam konteks undang-undang jenayah syariah dan sistem keadilannya, penguatkuasaan dan pendakwaan berpaksikan akta atau enakmen tatacara jenayah syariah, yang jelas mengandungi segala aspek prosedur berkaitan dengan pengurusan terhadap tindakan berkaitan dengan kesalahan yang dilakukan. Dengan peruntukan sedia ada, pihak penguat kuasa dan pihak pendakwa tidak akan tersasar ketika melaksanakan tugas masing-masing. Oleh sebab pentadbiran keadilan jenayah syariah perlu menekankan keadilan dan keberkesanan dalam pelaksanaannya, pegawainya juga perlulah terlatih dan celik undang-undang. Tanpa pemahaman yang jitu berkaitan dengan kehendak undang-undang, sudah pasti akan timbul masalah dari segi pentafsiran dan pemakaiannya.⁴¹

Pemahaman undang-undang syariah khususnya akta atau enakmen kesalahan jenayah syariah dan enakmen tatacara jenayah syariah merupakan perkara asas dalam menjalankan tugas harian bagi PPA atau pendakwa

41 Siti Zubaidah Ismail, "Dasar Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Analisis" dlm. *Jurnal Syariah*. 16, (Keluaran Khas). hlm. 537-54, 2008.

syarie. Kita tidak boleh mengharapkan mereka sekadar belajar daripada pengalaman atau sekadar menerima latihan dalam kerja (*on-jobtraining*) semata-mata.

Selain itu, PPA tidak dilatih melakukan kerja penyamaran seperti pegawai penyiasat polis dan ini mendedahkan mereka kepada risiko termasuk kes pendakwaan yang lemah. PPA juga tidak mempunyai kuasa menahan reman pesalah menyebabkan mereka sukar untuk mendapatkan maklumat yang lengkap. Selepas mengambil kenyataan, pesalah terpaksa dibebaskan dengan jaminan lisan, sehingga dituduh di mahkamah. Kebiasaannya, tertuduh sendiri yang memberikan kerjasama hadir ke bahagian penguatkuasaan untuk memberikan maklumat yang lebih lengkap. Maklumat yang diberikan itu juga atas dasar tertuduh membuat pengakuan bersalah, disebabkan denda yang terlalu sikit dan risiko yang rendah untuk dipenjarakan, walaupun ada peruntukan untuk memenjarakan tertuduh. Hakikatnya mahkamah syariah lebih suka mengambil pendekatan mengenakan denda daripada menjatuhkan hukuman penjara kepada tertuduh.

Walaupun ditimbulkan oleh sesetengah pihak, dengan kuasa yang sedia ada boleh mengenakan denda sehingga maksimum RM5000 atau dipenjarakan sehingga maksimum tiga tahun atau disebat enam kali sebatan pun tidak digunakan dimanfaatkan atau diaplikasikan sepenuhnya oleh hakim syarie. Walau bagaimanapun jika mahkamah syariah hendak diberikan bidang kuasa yang lebih tinggi, lebih besar dan lebih luas, penulis berasa perkara ini bukanlah penghalang untuk bidang kuasanya untuk diperluas.

Di sesetengah negeri, bilik gerakan 24 jam (talian penting) tidak dapat beroperasi seperti sepatutnya disebabkan kekurangan kakitangan. Oleh sebab kekurangan anggota, maka mereka bekerja secara waktu anjal. Lalu, apabila aduan disalurkan oleh masyarakat kepada bilik gerakan, ungkapan atau jawapan “minta maaf encik/puan, kami kekurangan pegawai,” sudah menjadi fenomena biasa. Kesannya, masyarakat menjadi cuak atau malas untuk mengambil berat atau membuat laporan sekiranya berlaku kesalahan jenayah syariah di sekeliling mereka. Apabila tiada aduan daripada masyarakat, kita menyalahkan mereka kononnya masyarakat hari ini sudah tidak menjaga tepi kain orang apabila perlu atau mendakwa bahawa semangat kejiranan semakin terhakis.

Penulis mencadangkan satu nombor panggilan khusus disediakan bagi semua pusat operasi seluruh negara, seperti agensi Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bomba, Hospital, Jabatan Pertahanan Awam dan Maritim yang menggunakan satu nombor “999” sahaja. Satu negara satu nombor 999. Para petugas terlatih dan profesional dari Pusat Perkhidmatan Panggilan Kecemasan akan mengendalikan talian kecemasan 999 yang dilengkapi data mengenai kecemasan dan lokasi berbentuk digital. Sebarang panggilan kecemasan oleh orang ramai seterusnya akan dikendalikan oleh penyedia

perkhidmatan kecemasan mengikut jenis kecemasan yang dilaporkan. Panggilan adalah percuma. Sebarang panggilan kecemasan akan dijawab dalam masa 10 saat. Sistem penerimaan panggilan kecemasan 999 yang dipertingkatkan membolehkan usaha mengenal pasti setiap panggilan yang dibuat, kerana nombor pemanggil akan tertera dan dapat disimpan untuk rekod atau rujukan. Hal ini dapat membantu mengelakkan keciciran ketika panggilan kecemasan dibuat di samping memantau panggilan palsu.⁴²

Sistem dan perkhidmatan seperti ini sepatutnya dapat juga dibangunkan di bahagian penguatkuasaan agama. Perlu ada negeri yang bertindak sebagai pelopor dan bekerjasama dengan negeri-negeri lain. Pengadu boleh mendail satu nombor sahaja, contohnya “111” dan para petugas terlatih dan profesional dari pusat perkhidmatan panggilan akan mengendalikan panggilan orang ramai, mengenal pasti setiap panggilan yang dibuat, menyimpan nombor pemanggil yang tertera untuk tujuan rekod atau rujukan, di samping memantau aduan palsu. Seterusnya petugas akan menyambungkannya segera kepada PPA agama negeri untuk tindakan selanjutnya.

PPA juga sepatutnya dibekalkan dengan sistem komunikasi dan ciri keselamatan yang cukup ketika menjalankan operasi. Sebagai contoh alat perhubungan *walkie talkie* antara bilik gerakan dengan kumpulan operasi.

Setakat ini beberapa negeri sahaja yang mempunyai pakaian seragam untuk PPA, memasang lambang, lampu amaran dan sistem peti suara di kesemua kenderaan operasi. Pakaian yang seragam bagi PPA mampu menunjukkan kehebatan dan “syiar” penguatkuasaan syariah. Disarankan juga warna untuk pakaian seragam PPA dapat diselaraskan di seluruh negara supaya nampak kesatuan dan keutuhan agensi penguat kuasa syariah, berbanding dengan agensi penguat kuasa yang lain.

Tidak dinafikan bahawa kewangan menjadi halangan terbesar kerana pertambahan perjawatan dan infrastruktur memerlukan peruntukan kos yang besar. Namun begitu, kita perlu sedar masyarakat melihat dan menilai agensi agama dari semasa ke semasa.

Tugas yang dijalankan oleh PPA juga perlu dihebahkan kepada orang awam melalui media, terutama tugas yang tidak melibatkan tangkapan maksiat seperti memberikan kaunseling dan sebagainya. Persoalan timbul, mengapa kita selalu mendengar berita bahawa PPA menjalankan operasi pada waktu malam? Bukankah sebahagian kesalahan yang terdapat dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah juga boleh berlaku pada waktu siang? Contohnya kesalahan tidak menghormati bulan Ramadan, tidak menunaikan sembahyang Jumaat, perbuatan tidak sopan di tempat awam, bukannya perbuatan ini turut dilakukan pada waktu siang?

42 Malaysia Emergency Response Services (MERS) 999. Lihat http://www.999.gov.my/?page_id=60.

Maka, PPA disaran supaya keluar menemui masyarakat terutama pada waktu siang, sekurang-kurangnya sekali atau sehari dalam seminggu, untuk mendekati masyarakat Islam yang melakukan kesalahan. Langkah ini bukanlah untuk tujuan menangkap mereka yang melakukan kesalahan, sebaliknya memberikan nasihat atau teguran yang baik kepada mereka. Aktiviti ini perlu dirakamkan oleh lensa kamera dan dihebahkan, supaya masyarakat melihat PPA menjalankan tugas mencegah maksiat bukan sahaja dengan kuasa (*bil yad*), tetapi juga dengan nasihat (*bil lisan*) dan dengan kebijaksanaan (*bil hikmah*).

Bagi mempertingkatkan profesionalisme dan kredibiliti, disarankan agar bahagian penguatkuasaan dan bahagian pendakwaan dinaik taraf kepada jabatan. Tiada halangan undang-undang untuk perkara ini dilaksanakan.

Jawatan ketua pendakwa syarie dan pendakwa syarie merupakan jawatan yang diperuntukkan oleh undang-undang. Sebagai contoh, Seksyen 78 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 memperuntukkan bahawa:

- (1) Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, boleh melantik seorang yang layak menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjadi Ketua Pendakwa Syarie.
- (2) Ketua Pendakwa Syarie hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan menurut budi bicaranya bagi memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan mana-mana Mahkamah Syariah.
- (3) Majlis boleh melantik orang-orang yang layak dan sesuai daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri atau perkhidmatan bersama menjadi Pendakwa-Pendakwa Syarie.
- (4) Pendakwa-Pendakwa Syarie hendaklah bertindak di bawah kawalan am dan arahan Ketua Pendakwa Syarie dan boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang diberikan kepada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie, kecuali hak dan kuasa yang dinyatakan hendaklah dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie sendiri.

Begitu juga dengan jawatan pegawai penguat kuasa agama, yang diperuntukkan dalam Enakmen yang sama. Seksyen 79 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003 memperuntukkan bahawa:

Majlis boleh melantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri atau perkhidmatan bersama seorang Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pegawai-Pegawai Penguat kuasa Agama untuk menjalankan penyiasatan kesalahan-kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam.

Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan terhadap rukun agama Islam.

Maka sudah sampai masanya pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk melantik ketua pendakwa syarie, pendakwa syarie, ketua pegawai penguat kuasa agama dan pegawai penguat kuasa agama menurut akta atau enakmen pentadbiran agama Islam negeri masing-masing, mengambil inisiatif untuk mengangkat kedua-dua bahagian ini menjadi jabatan, supaya dapat mempertingkatkan taraf dan kedudukan, taraf perjawatan, infrastruktur dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

KESIMPULAN

Undang-undang jenayah syariah ialah undang-undang Tanah Melayu. Walaupun penjajah cuba meminggirkannya, namun sistem dan kerangka Perlembagaan Persekutuan masih memberikan tempat kepada syariah. Walaupun tidak diletakkan sebagai undang-undang tertinggi negara, namun syariah atau Islam sentiasa berlegar di sekitar perlembagaan dan masyarakat negara ini. Usaha perlu dilakukan untuk mempertingkatkan dan memperkasakan institusi pentadbiran, kehakiman, pendakwaan dan penguatkuasaan Islam.

Langkah-langkah awal ke arah pelaksanaan undang-undang jenayah Islam adalah dengan membangunkan semua perkara yang berhubungan dengannya, ke arah menuju kesempurnaan pelaksanaan undang-undang itu. Hal ini termasuklah persiapan infrastruktur sebuah sistem kehakiman Islam yang tersusun dan bersistematik. Tindakan yang wajar ke arah itu harus dilipatgandakan, kerana sudah lebih 57 tahun kita berada dalam keadaan sekarang. Memperkecil dan mengesampingkan at sistem pentadbiran keadilan jenayah syariah akan memberikan kesan buruk kepada Islam.

RUJUKAN

Abdul Halim El-Muhammady, 1998. *Undang-undang Jenayah dalam Islam dan Enakmen Negeri-negeri*. Selangor: Wadah Niaga Sdn. Bhd.

Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (HAMKA), 2006. *Sejarah Umat Islam*. Edisi Baru. Singapura: Pustaka National Pte. Ltd.

Ahmad Ibrahim, 1987. "Islam and the Constitution". Kertas kerja Persidangan "The Malaysian Constitution After 30 Years. Kuala Lumpur: Fakulti Undang-

- undang, Universiti Malaya.
- Ahmad Ibrahim, 1989. "The Amendment to Article 121 of the Federal Constitution its effect of Administration of Islamic Law", [1989] 2 *MU* XVII.
- Akta Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997.
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Akta 355) Pindaan 1984.
- Akta Pembaharuan Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976.
- Akta Prosedur Jenayah Syariah 1997 (Pindaan 2005).
- Akta Saraan Hakim 1971 (Akta 45).
- Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695).
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib, 1966. *Preliminary Statement on a General Theory of the Malay-Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dalip Kaur *lwn* Pegawai Polis Bukit Mertajam.
- Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991.
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) 2001.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003.
- Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2003.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Johor) 2003.
- H.P. Lee & Trindade (ed.), 1978. *The Constitution of Malaysia, Its Development 1957-1977*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- http://forum.mygeoportal.gov.my/smanre/tanah/luas_negeri_daerah.php.
- http://www.bharian.com.my/bharian/articles/PendudukMalaysiakini28_3juta/Article/artikel.
- http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&id=1215&I

temid=89&lang=bm.

Kaedah-Kaedah Acara Jenayah (Borang dan Fee) 1998 (Pg. P.U. 1/98).

Laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010.

Malaysia Emergency Response Services (MERS) 999. Lihat http://www.999.gov.my/?page_id=60.

Md. Hakim Lee *lwn* Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Mokhtar bin Pangat *lwn* Pendakwa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Mohamed Habibullah b Mahmood *lwn*. Faridah Dato' Talib.

Pendakwa Syarie Johor *lwn* Abdul Talib Harun.

Pendakwa Syarie *lwn* Jaafar bin Sudin.

Pendakwa Syarie Perak *lwn* Jeffery dan Hasliza.

Perlembagaan Persekutuan.

Siti Zubaidah Ismail, "Dasar Penguatkuasaan dan Pendakwaan Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Analisis" dlm. *Jurnal Syariah* 16 (Keluaran Khas). hlm. 537-54, 2008.

Sukma Dermawan Sasmitaat Madja *lwn* Ketua Pengarah Penjara Malaysia.

Tun Salleh Abas, 1986. "Traditional Elements of the Malaysian Constitution" dlm. *Constitution, Law and Judiciary* (Selected Articles and Speeches). Kuala Lumpur: Malaysian Law Publisher.

Liaw Yock Fang, 1976. *Undang-undang Melaka*. The Hague: Maritimes Nijhoft.

Zulkifli Hasan, 2007. "Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia, Sejauhmanakah Pelaksanaannya" dlm. Azman Ab Rahman *et al.*, *Isu-isu Semasa Global Sempena Kemerdekaan ke-50*. Negeri Sembilan: Pusat Pengajian Umum, Universiti Sains Islam Malaysia.